



**SULIT**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER KEDUA SESI 1998/99**

**KOD/KURSUS : KA2013 ILMU AUDIT I  
TARIKH : 07 MAC 1999 (AHAD)  
MASA : 2.30 - 5.00 PETANG (2 1/2 JAM)  
TEMPAT : DMS**

**ARAHAN :**

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan di dalam **ENAM (6)** halaman bercetak.
2. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan.
3. Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.
4. Setiap jawapan hendaklah dimulakan di mukasurat yang baru.

**NO. MATRIK : \_\_\_\_\_**

--	--	--	--	--	--

  
(dengan perkataan) (dengan angka)

**NO. K/P : \_\_\_\_\_**

**NAMA PENSYARAH: \_\_\_\_\_ KUMPULAN:**

**JANGAN BUKA BUKU SOALAN INI  
SEHINGGA DIBERI ARAHAN**

**SOALAN 1 : (30 MARKAH / 54 MINIT)**

- A. Hasan adalah salah seorang rakan kongsi bagi Firma Audit Aminah dan Hasan. Seminggu yang lepas Syarikat Pembinaan Makmur Sdn. Bhd. telah menghubungi Hasan bagi mendapatkan khidmat audit kerana syarikat ini baru sahaja memecat juruauditnya. Hasan mengenali salah seorang pengarah syarikat ini iaitu Encik Ahmad semasa menghadiri satu seminar mengenai "Kegawatan ekonomi : Kesan dan Cabarannya Terhadap Syarikat-syarikat Kecil di Malaysia". Menurut Encik Ahmad, maklumat kewangan yang akan diaudit ini akan digunakan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi tujuan penilaian cukai perniagaan. Di samping itu maklumat ini juga akan digunakan oleh Bank Usaha Bersatu (bank baru bagi syarikat ini) kerana syarikat ini adalah dalam proses memohon pinjaman bagi membiayai perniagaannya yang semakin berkembang walaupun banyak syarikat pembinaan yang lain terpaksa gulung tikar semenjak kegawatan ekonomi melanda Malaysia dua (2) tahun yang lepas.

Syarikat Pembinaan Makmur Sdn. Bhd. merupakan salah sebuah syarikat yang meningkat maju dan agak terkenal jika dibandingkan dengan pesaing-pesaingnya. Syarikat ini terlibat di dalam aktiviti pembinaan rumah dan menjualkannya di sekitar Alor Setar. Ia merupakan salah sebuah anak syarikat kepada Syarikat Pembinaan Aman Sdn. Bhd. yang mempunyai beberapa anak syarikat pembinaan lain di negeri Kedah. Encik Ahmad adalah seorang yang disegani oleh masyarakat kerana kejayaannya di dalam aktiviti perniagaan dan kemurahan hatinya untuk berbakti kepada masyarakat melalui derma-derma kepada persatuan-persatuan kebajikan.

Aminah dan Hasan berbincang dengan agak mendalam mengenai perlantikan ini kerana mereka belum pernah mengaudit syarikat pembinaan. Mereka bersependapat untuk mempertimbangkan perlantikan tersebut. Firma audit ini telah menetapkan polisi dan prosedur bagi mendapatkan maklumat-maklumat awal daripada pihak-pihak yang berkaitar dengan perniagaan tersebut seperti bank dan peguam syarikat sebelum membuat keputusan samada menerima atau menolak sesuatu perlantikan. Hasan mendapati tidak ada laporan negatif mengenai syarikat ini daripada pihak peguam syarikat dan juga dari pihak banknya iaitu Bank Bumijaya Malaysia Berhad (BBMB) dan Maju Bank Berhad (MBB). Namun begitu, Hasan amat terperanjat dengan maklumat yang diperolehi daripada LHDN di mana syarikat ini pernah didapati cuba menipu jumlah cukai perniagaan yang patut dibayar iaitu sebanyak RM 50000 dua (2) tahun yang lalu.

**DIKEHENDAKI :**

- a) Berikan dua (2) manfaat mengadakan perancangan audit. (2 markah)
- b) Terangkan langkah-langkah yang patut diambil oleh Hasan sebelum membuat keputusan untuk menerima perlantikan ini. (16 markah)

- c) Berdasarkan pertimbangan profesional juruaudit, berikan dua (2) sebab mengapa Hasan patut menerima dan dua (2) sebab menolak perlantikan tersebut.

(4 markah)

- B. Setelah membuat keputusan untuk menerima tawaran perlantikan tersebut, Hasan menyemak fail-fail sebagai sebahagian daripada langkah perancangan awal. Beliau mendapati juruaudit lepas kurang menggunakan semakan analitikal. Ini amat berbeza dengan cara Hasan mengendalikan kerja-kerja audit di mana beliau begitu yakin bahawa penggunaan kaedah atau prosedur ini akan meningkatkan lagi keberkesanan dan kecekapan kerja-kerja audit.

**DIKEHENDAKI:**

Jelaskan tujuan semakan analitikal pada tahap perancangan audit.

(4 markah)

- C. Hasan akan dibantu oleh beberapa orang pembantu audit di dalam melakukan kerja-kerja audit Syarikat Pembinaan Makmur Sdn. Bhd. Memandangkan pelanggan ini adalah pelanggan baru, Hasan meminta pembantu-pembantu audit mendokumenkan dengan baik dan terperinci kertas kerja mengenai semakan analitikal bagi membantu mereka menjalankan kerja audit dengan lebih lancar.

**DIKEHENDAKI :**

Terangkan 4 fungsi kertas kerja audit.

(4 markah)

**SOALAN 2: (20 MARKAH / 36 MINIT)**

- A. Setelah tamat pengajian anda di Universiti Utara Malaysia (UUM) anda telah di ambil bekerja oleh pihak pengurusan S.A Berhad untuk menyemak sistem kawalan dalaman syarikat bagi kitaran perbelanjaannya. Setelah meluangkan masa selama seminggu melaksanakan kerja tersebut, anda mendapati:
- i. Bahan mentah yang terdiri daripada cip komputer yang bernilai tinggi tersimpan di dalam stor yang berkunci. Kakitangan stor terdiri daripada seorang penyelia dan empat orang kerani. Kesemua mereka telah dilatih dengan baik dan cekap. Bahan mentah hanya akan dikeluarkan daripada stor apabila mendapat kelulusan bertulis atau lisan daripada penyelia pengeluaran.
  - ii. Rekod inventori berterusan tidak disediakan; oleh itu, kerani stor tidak merekodkan sebarang penerimaan mahupun pengeluaran bahan mentah. Namun begitu, pada akhir setiap bulan pengiraan inventori dilakukan oleh seorang kerani stor. Kerani ini kemudiannya akan merekodkan pengiraannya dan menyerahkan laporan tersebut kepada penyelia stor.
  - iii. Selepas menerima laporan tersebut, penyelia akan membandingkan kuantiti di tangan (berdasarkan laporan) dengan jumlah kuantiti pada titik pesanan (reorder point). Jika inventori berada di bawah titik pesanan semula, penyelia stor akan membuat pesanan barangan melalui jabatan belian. Jabatan Belian kemudiannya akan memesan barangan tersebut dalam masa 24 jam. Untuk memastikan kelancaran pesanan, penyelia stor diberi kuasa untuk menentukan kuantiti, kualiti dan pembekal bahan mentah tersebut. Jabatan belian hanya bertindak mengkoordinasikan pesanan tersebut.
  - iv. Penerimaan barangan dilakukan pada waktu malam apabila pengeluaran dihentikan. Semasa menerima barangan, dua orang kerani stor akan bertugasan untuk membandingkan item yang terdapat di dalam dokumen pembekal dengan item yang terdapat di dalam pesanan belian. Selepas melakukan perbandingan tersebut, kesemua bahan mentah yang diterima itu akan disimpan sementara di tempat meletak kereta berbumbung sementara menantikan stor dibuka pada keesokan pagi.

**DIKEHENDAKI:**

Sediakan surat pengurusan kepada pihak pengurusan S.A Berhad dengan menyatakan kelemahan sistem kawalan dalaman. Anda juga perlu menyertakan cadangan untuk memperbaiki kelemahan tersebut dengan jelas.

( 10 Markah)

B. Terangkan dengan ringkas tujuan dilaksanakan “walk through test” serta bagaimana ia dilaksanakan?

(4 Markah)

C. Bincangkan 3 cara juruaudit mendokumenkan kefahaman beliau berkenaan sistem kawalan dalaman pelanggan?

(6 Markah)

**SOALAN 3: (20 MARKAH / 36 MINIT)**

Sebuah syarikat pembekal komputer yang sedang berkembang mula mengalami masalah dalam sistem memfail pesanan pelanggan. Syarikat itu menggunakan kemudahan pemprosesan pesanan berpusat, kemudahan gudang pusat serta enam buah gudang cawangan. Juruaudit telah diminta oleh pihak pengurusan untuk mengenal pasti punca masalah yang mula dialami oleh syarikat tersebut. Bagi memenuhi kehendak pihak pengurusan, juruaudit telah melaksanakan prosedur-prosedur audit yang berikut:

1. Memilih satu sampel penghantaran harian dari gudang pusat ke gudang cawangan berdasarkan laporan penghantaran yang disimpan di dalam komputer. Item-item sampel dijejaki hingga ke notis-notis penghantaran.
2. Membuat pemerhatian selama dua (2) hari ke atas aktiviti penghantaran daripada gudang pusat ke gudang cawangan.
3. Membuat kiraan fizikal inventori dan membandingkan hasil kiraan dengan rekod-rekod inventori (sistem berterusan). Juruaudit turut menyiasat sebarang perbezaan yang wujud.
4. Satu sampel pesanan belian diambil dan dijejaki kepada laporan penerimaan barangan dan pembayaran invois pembekal. Tidak ada perbezaan ketara ditemui.
5. Prosedur-prosedur pemprosesan jualan, belian dan penghantaran di antara gudang diperhatikan selama dua (2) hari.
6. Rekod-rekod inventori berterusan dibandingkan dengan anggaran-anggaran inventori yang dikira berdasarkan kaedah peratusan daripada margin kasar.
7. Membuat pertanyaan kepada staf berhubung dengan kecurian barangan dan inventori yang usang.

**DIKEHENDAKI:**

- a) Bagi setiap prosedur audit yang disenaraikan, kenal pasti objektif audit yang mungkin dicapai oleh juruaudit melalui penaksanaan prosedur tersebut. Berikan alasan sama ada prosedur yang dibuat dapat menghasilkan bukti audit yang mencukupi atau tidak bagi memenuhi objektif audit yang hendak dicapai.

Bagi menjawab soalan ini, sila guna format seperti contoh di bawah.

Tatacara audit	Objektif audit	Bukti mencukupi atau tidak
Nombor tatacara seperti yang disenaraikan. (no. x)	Untuk memastikan bahawa aset yang direkod benar-benar wujud.	Mencukupi kerana ...

(14 markah)

- b) Nyata dan terangkan tiga (3) kriteria bukti audit yang baik menurut IAG 8 (International Auditing Guideline).

(6 markah)

**SOALAN 4: (30 MARKAH / 54 MINIT)**

Anda merupakan akauntan awam (PA) bagi Firma Audit Sakinah Aljaffree, telah mengaudit penyata kewangan Syarikat Perkilangan Puas Hati Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 30 Jun 1998. Anda telah menyiapkan kerja audit syarikat tersebut pada 20 September 1998. Pada 1 November 1998, anda akan menyedia dan menandatangani Laporan Audit syarikat tersebut. Berikut adalah di antara bukti yang anda dapati semasa mengaudit syarikat tersebut :

- i) Semasa mengaudit, anda mendapati terdapat sedikit kesilapan yang kurang material mengenai pengiraan baki tunai. Kesilapan tersebut walau bagaimanapun telah diperbaiki oleh pihak pengurusan.
- ii) Anda telah meminta pihak pengurusan menukar penggunaan polisi perakaunan yang digunakan ke atas inventori kerana tidak mengikut garis panduan yang diterima umum. Walau bagaimanapun pihak pengurusan enggan menukar polisi tersebut.
- iii) Selain dari penemuan di (i) dan (ii) di atas, anda telah berpuas hati di dalam semua aspek material berhubung dengan perkara-perkara yang dibincangkan di dalam para 21 Prinsip-prinsip Asas Audit.

**DIKEHENDAKI:**

- a) Sebelum anda menyediakan laporan audit tersebut, apakah rumusan yang anda perlu lakukan? Terangkan dengan jelas empat (4) rumusan tersebut.

(4 markah)

- b) Anda dikehendaki menulis laporan audit Syarikat Perkilangan Puas hati Sdn. Bhd. dengan lengkap mengikut format yang digariskan oleh IAG 13 Laporan Audit ke atas Penyata Kewangan.

(16 markah)

- c) Cik Shamim merupakan akauntan Syarikat Kayu Kayan Sdn. Bhd. Beliau bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan syarikat tersebut. Terdapat kemungkinan di mana pihak pelanggan atau pihak ketiga akan membuat tafsiran yang salah mengenai perkhidmatan yang beliau berikan. Mereka mungkin percaya beliau telah bertindak sebagai juruaudit dan bukannya sebagai akauntan syarikat.

Terangkan risiko yang mungkin dialami oleh juruaudit syarikat tersebut dengan membincangkan kes yang relevan sebagai contoh.

(10 markah)